

# UMNO perkenal peraturan kempen sehari

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Calon yang berhasrat untuk bertanding pada pemilihan UMNO akan hanya dibenarkan berkempen bagi tempoh sehari sahaja.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, cadangan peraturan itu terkandung di dalam kod etika pemilihan yang kini di peringkat akhir sebelum diserahkan ke Majlis Tertinggi (MT) tidak lama lagi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Peraturan dan Pindaan Perlembagaan UMNO berkata, melalui peraturan itu pihak pengurusan parti akan menetapkan hari tertentu bagi membolehkan calon yang bertanding memperkenalkan diri masing-masing kepada perwakilan.

"Sebelum ini kempen tidak dibenarkan tetapi orang tetap berkempen. Oleh itu saya telah mengesyorkan supaya kempen dibenarkan tetapi dalam bentuk yang lebih terbatas dan terurus. Tempohnya hanya sehari.

"Kita cadangkan agar Badan Perhubungan UMNO negeri menganjurkan hari kempen ini. Pada hari tersebut semua calon perlu hadir untuk memperkenalkan diri kepada perwakilan. Selepas itu mereka langsung tidak dibenarkan berkempen," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai status terkini perubahan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan dan Pindaan Perlembagaan UMNO terhadap Perlembagaan parti sedia ada.

Muhyiddin berkata, selepas tamat hari kempen, calon tidak akan dibenarkan sama sekali berkempen dalam apa jua bentuk dan jika didapati berlaku, calon terbabit boleh dikenakan tindakan sewajarnya kerana telah melanggar kod etika pemilihan.

Beliau berkata, setiap anggota dan perwakilan harus faham dengan perubahan yang berlaku itu kerana objektifnya adalah untuk kebaikan parti.

"Ahli-ahli jangan marah kalau calon tidak pergi ke tempat mereka atau tidak bersalaman atau tidak belanja mereka minum. Cuknpalah mereka berkempen selama sehari sahaja," ujarnya.

Bagaimanapun beliau berkata, peraturan baru kempen tersebut hanya boleh dilaksanakan sekiranya ia mendapat persetujuan daripada MT.

"Jika segala-galanya berjalan lancar peraturan ini akan mula berkuat kuasa pada tahun depan. Selain kempen, kita juga telah bersetuju untuk menukar perkataan politik wang kepada rasuah politik di dalam kod etika ini.

"Dengan menggunakan perkataan rasuah politik, pengertiannya adalah luas berbanding istilah politik wang. Rasuah bukan wang semata-mata tetapi ia lebih daripada itu sebagai contoh janji pergi rombongan," tambahnya.